

**UMNO lumpuh jika disabotaj ahli**  
**Utusan Online**  
**23 Mei, 2012**

BUKIT MERTA JAM 22 Mei - UMNO akan lumpuh jika ahlinya bertindak mensabotaj parti hanya kerana tidak terpilih sebagai calon pada Pilihan Raya Umum Ke-13 nanti.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang, Datuk Musa Sheikh Fadzir berkata, perbuatan mensabotaj parti tidak sepatutnya berlaku kerana ia boleh menghancurkan dan menyebabkan parti tewas pada pilihan raya umum akan datang.

"Ahli UMNO perlu bertanggungjawab dan tidak menikam parti dari belakang jika tidak terpilih sebagai calon," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi semalam yang mengingatkan ahli-ahli BN tidak mensabotaj parti jika tidak terpilih sebagai calon.

Menurutnya, tindakan itu bukan sahaja boleh menyebabkan BN kehilangan banyak kerusi Parlimen dan Dewan Undangan negeri (DUN) malah, tidak mustahil kehilangan kuasa di beberapa negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Musa yang juga Ketua UMNO Bahagian Bukit Mertajam berkata, pada pilihan raya umum yang lalu, banyak berlaku sabotaj sehingga menyebabkan UMNO mengalami kekalahan di beberapa kawasan di negeri itu.

Beliau berkata, apabila Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak memutuskan calon untuk bertanding, kita sokong calon yang dipilih oleh pucuk pimpinan parti.

"Kita tahu calon yang dipilih BN itu adalah calon boleh menang dan ia perlu disokong untuk memastikan BN menang di kawasan yang ditandingi," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0523&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_06.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0523&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_06.htm)